

SINTOK – Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi tarikan kepada 32 pegawai kanan Kementerian Kewangan dari New Delhi untuk mempelajari Bidang Akauntabiliti dan Pengurusan Belanjawan Sektor Awam.

Pengarah National Institute of Financial Management (NIFM), G.P. Gupta serta Koordinator Program Dr. Sangeetha Sharma dan delegasinya mengikuti kursus selama dua hari di EDC-UUM yang telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNC A & A) Prof. Dr. Rosna Awang Hashim.

Dalam lawatan itu delegasi ini turut melakukan kunjungan hormat ke atas Naib Canselor Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Antara negara lain yang mereka kunjungi selain dari Malaysia ialah England, Slovenia dan National University of Singapore.

Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni Prof Madya Dr. Ahmad Martadha Mohamed yang mengiringi delegasi ini turut membawa mereka ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah dan Unit Kewangan Negeri untuk memberi pendedahan secara langsung berkaitan dengan tatacara pengurusan kewangan agensi kerajaan di negeri ini.

Antara destinasi lain yang menjadi tarikan delegasi ini ialah Rumah kelahiran bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, Pekan Rabu, Pulau Langkawi dan Kuala Lumpur.

Melalui kunjungan ini NIFM juga telah menandatangani MoU dan MoA yang meliputi kerjasama dalam bentuk penyelidikan, pertukaran kakitangan dan pelajar serta penerbitan.

Habis

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my